

08/07/1999

Shit lebih dahsyat daripada Satanic Verses

ALOR STAR, Rabu - Novel Shit tulisan Prof Datuk Shahnnon Ahmad disifatkan lebih dahsyat daripada buku The Satanic Verses, (Surah Syaitan) karya Salman Rusdie, kerana penggunaan bahasa kotor, kata Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

"Jika Salman dikutuk dan dibenci umat Islam seluruh dunia kerana memutarbelitkan fakta untuk menghina Islam dan Nabi Mohamad s.a.w., Shahnnon pula dikritik kerana bahasa kotor," katanya selepas mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di sini hari ini.

Beliau berkata, meskipun Salman menghina Islam, beliau tidak menggunakan bahasa kotor berbanding Shahnnon yang sanggup memaki hamun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menggunakan perkataan kotor.

Katanya, Shahnnon tidak harus berbangga atau besar diri hanya kerana merasakan dirinya berjaya `menyerang' Perdana Menteri.

(END)